

Felda Wellness akan disenarai Nasdaq New York

SAN DIEGO (California)
27 Jun - Felda Wellness
Corporation Sdn.
Bhd.(FWC), syarikat
milik penuh Lembaga
Kemajuan Tanah
Persekutuan (Felda)
bakal disenaraikan di
bursa Nasdaq New York
pada Mac tahun depan.

Menerusi tawaran
awam permulaan (IPO)
sejumlah AS\$300 juta
(RM964.01 juta), ia
dijangka diraih bagi
mengembangkan
lagi operasi syarikat
berkenaan ke peringkat
global.

Timbalan Pengarah
Besar Sumber Strategik
Lembaga Kemajuan
Tanah Persekutuan
(Felda), Muhammad
Sufi Mahbub berkata,
sekiranya berjaya, FWC
akan menjadi syarikat
Malaysia pertama
disenaraikan di Nasdaq.

"Penyenaraian FWC
di Nasdaq kelak akan
memberi motivasi
baharu kepada syarikat-
syarikat Malaysia untuk
menjana kewangan
di peringkat global,"
katanya.

Beliau berkata
demikian dalam
sidang akhbar selepas
majlis pertukaran
memorandum
persefahaman
(MoU) FWC dengan
lima syarikat di
luar Persidangan
Antarabangsa Bio 2014
yang berakhir hari ini di
San Diego, California.

Lima syarikat
berkenaan
ialah Gordagen
Pharmaceutical,
Malaysian Geonormics
Resource Centre Bhd.
(MGRC), Seeloz Inc.,
Naerok Resourced Ltd.
dan Neopeutics Inc.

- UTUSAN